

19 OCT 2003

Zainuddin-Yahudi 2 Johor Baharu  
EROPAH DIMALUKAN OLEH KENYATAAN - 2

Zainuddin berkata ini terutama dengan pemerhatian tajam Dr Mahathir bahawa bangsa Yahudi menguasai dunia melalui proksi dan mereka memperalatkan orang lain untuk mati demi kepentingan mereka.

Bercakap kepada pemberita selepas itu, beliau berkata faktor kedua yang menimbulkan kemarahan media Barat yang dikuasai oleh pemilik Yahudi ialah apabila Dr Mahathir mendedahkan kekuatan sebenar bangsa Yahudi untuk dicontohi oleh umat Islam.

"Ini yang Yahudi marah..." katanya, sambil menambah bahawa akibat kemarahan itulah media Barat telah memutarbelitkan kenyataan Perdana Menteri dengan mendapatkan pandangan segelintir pemimpin Barat yang menghentam Dr Mahathir hanya berdasarkan sekerat dua ayat yang sengaja disalahertikan.

Menurut Zainuddin, sesiapaapun yang membaca teks ucapan Dr Mahathir akan menafikan ia anti-Yahudi kerana perkara sebenar yang dinyatakan oleh Dr Mahathir ialah kritikan terhadap umat Islam sendiri.

"Kenapa media Barat tidak memetik ucapan Dr Mahathir yang tidak mengiktiraf pengebom berani mati? Sedangkan beliau mengkritik tindakan yang tidak diiktiraf itu di hadapan para pemimpin dunia Islam sendiri. Nyata media Barat hendak mengeksploit ucapan beliau," katanya.

Beliau memberi contoh sebuah media elektronik Barat yang telah bertindak menjemput beberapa orang yang bukan pun diiktiraf sebagai intelektual untuk memperkatakan mengenai ucapan Dr Mahathir yang disalahertikan itu dan tidak keseluruhan intipati ucapan itu.

Zainuddin berkata berikutan gelombang kejutan yang dibuat oleh Dr Mahathir itu, generasi muda Eropah dan Amerika Syarikat juga telah berpendapat bahawa mereka perlu bangkit bertindak supaya tidak terus menerus diperalatkan oleh Yahudi.

Katanya, Menteri Luar Australia Alexander Downer juga dilaporkan berpendapat bahawa ucapan Dr Mahathir tidak anti-Yahudi dan telah dipetik di luar konteks serta disalahtafsirkan oleh media Barat.

-- BERNAMA

MNY MOZ